



14

UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA
National University of Malaysia

Jabatan Bendahari • Bursar's Office

Rujukan : UKM 3.1/244/8 Jld X

↗ Tarikh : 7 Ogos 2009

PEKELILING BENDAHARI BIL. 10/2009

Dekan/Pengarah/Ketua
Fakulti/Institut/Pusat/Jabatan/Bahagian
Universiti Kebangsaan Malaysia

Y.Bhg. Prof. Dato'/Datin/Tuan/Puan,

PERATURAN KHAS BERKAITAN PEMBUKAAN AKAUN BANK

Dengan hormatnya izinkan saya merujuk kepada perkara di atas .

Berikut adalah peraturan kewangan berkaitan pembukaan akaun bank oleh semua entiti yang ditadbir di bawah Universiti Kebangsaan Malaysia:

1. Semua urusan berkaitan bank seperti pembukaan dan penutupan akaun adalah tanggungjawab dan kawalan Bendahari.
2. Semua entiti di bawah UKM seperti fakulti/pusat/institut/jabatan/bahagian tidak dibenarkan membuka akaun bank tanpa kebenaran pihak Bendahari terlebih dahulu.
3. Jika ada keperluan untuk membuka akaun bank, permohonan bertulis perlu dikemukakan berserta justifikasi bagi menyokong pembukaan akaun bank tersebut.
4. Tujuan kawalan ini adalah bagi mengelakkan pembukaan akaun bank atas nama fakulti/institut/jabatan/bahagian tetapi untuk mengkreditkan hasil universiti.
5. Semua aktiviti yang melibatkan urusan kewangan adalah diuruskan oleh Bendahari dan semua pihak perlu berhubung terus dengan jabatan ini jika wujudnya keperluan pembayaran masuk ke akaun bank universiti. Jabatan akan mengawal dan memastikan bayaran dari pihak ketiga dilakukan dengan sempurna.
6. Semua entiti perlu memaklumkan kepada Bendahari jika ada sebarang akaun bank yang telah dibuka sebelum ini tanpa kelulusan berserta penjelasan. Pihak Bendahari juga akan mendapatkan kerjasama pihak bank bagi mengenalpasti perkara ini.



Pemenang Anugerah Kualiti Perdana Menteri 2006
Winner of Prime Minister's Quality Award 2006

Unit Belanjawan , Jabatan Bendahari, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan, Malaysia

Telefon: 03-8921 5024/5064/4127/5459/4286/4440 Faksimili: 03-8925 4605 Laman web: www.ukm.my/bendahari

Mel-e: bndahari@pkrscc.ukm.my

7. Tindakan ini perlu bagi mengelakkan berlakunya salah guna kuasa dan pecah amanah terhadap akaun-akaun bank yang dibuka tanpa kebenaran universiti.

Peraturan ini berkuatkuasa mulai tarikh pekeliling ini dikeluarkan. Sukacita sekiranya peraturan ini dapat disampaikan kepada pegawai/kakitangan di bawah pengawasan Y.Bhg. Prof. Dato'/Datin/Tuan/Puan.

Sekian untuk makluman dan tindakan pihak Y.Bhg. Prof. Dato'/Datin/Tuan/Puan selanjutnya.

Terima kasih.

Yang benar,



MOHD. ABD. RASHID MOHD. FADZIL

Bendahari
Universiti kebangsaan Malaysia

- s.k. ~ Naib Canselor
- ~ Timbalan Naib Canselor
Hal-Ehwal Akademik & Antarabangsa
- ~ Timbalan Naib Canselor
Hal-Ehwal Penyelidikan & Inovasi
- ~ Timbalan Naib Canselor
Hal- Ehwal Pelajar & Alumni
- ~ Timbalan Naib Canselor
Hal-Ehwal Jaringan Industri & Masyarakat



Pemenang Anugerah Kualiti Perdana Menteri 2006
Winner of Prime Minister's Quality Award 2006